

03 SEP 1998

Reaksi-Anwar (Sanusi)

UMNO KEDAH SOKONG TINDAKAN DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 3 Sept (Bernama) -- Umno Kedah hari ini menyatakan sokongan terhadap tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah berkata anggota Umno Kedah yang mempunyai disiplin yang tinggi sentiasa menyokong keputusan yang dibuat oleh parti dan kerajaan.

"Umno Kedah tidak mempunyai masalah menyokong apa yang dibuat oleh pemimpin," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Exco, di sini ketika diminta mengulas pelucutan jawatan yang diumumkan semalam itu.

Dr Mahathir adalah Ketua Bahagian Kubang Pasu.

Sanusi berkata semua pihak sedang menanti untuk mengetahui sebab perlucutan jawatan itu.

"Saya yakin apabila sebab perlucutan itu diketahui semua pihak akan menerima keputusan itu sebagai munasabah," katanya.

Menjawab satu soalan, Sanusi yang juga anggota Majlis Tertinggi (MT) berkata perkara itu tidak bersangkutan paut dengan perpaduan dan Umno hanya akan rosak jika anggotanya mendewa-dewakan tokoh tertentu.

"Hanya mereka yang dibelenggu oleh individu tertentu yang akan merasakan kepentingan mereka terjejas," katanya.

Mengenai kemungkinan kesannya kepada ekonomi negara, beliau berkata, soal siapa berhenti tidak membawa perubahan terhadap keadaan ekonomi kerana yang membawa perubahan ialah keputusan yang betul, dasar kerajaan dan sokongan rakyat jelata.

-- BERNAMA

MZM NMO